



KETUA PENGARAH

Director General

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Fire and Rescue Department Malaysia

Lebuhr Wawasan, Presint 7

62250 PUTRAJAYA

MALAYSIA



Telefon: 603-88927600

Faks: 603-8888 0840

Portal Rasmi: www.bomba.gov.my

Emel: kp@bomba.gov.my

Ruj. tuan:

Ruj. kami: JBPM/IP/RNP:700-7/6

Jld.5 (61)

Tarikh: 15 Februari 2021

Presiden

Malaysian Fire Protection Association (MFPA),
No.25-4, Block H, Jalan PJU 1/37,
Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya, Selangor DE.

Tuan,


PENYENARAIAAN PAM KEBAKARAN DAN JADUAL KAWALAN SISTEM KESELAMATAN MENENTANG KEBAKARAN DAN PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk surat tuan rujukan MFPA21-002/MH bertarikh 29 Januari 2021 berkaitan.

2. Jabatan mengucapkan terima kasih di atas maklumbalas MFPA bagi pelaksanaan penguatkuasaan Sistem Pam Keselamatan Menentang Kebakaran (KMK) ini. Walaubagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa MS 2616:2015 (*Fixed firefighting systems - Fire pumps*) telah dilulus dan dilaksanakan sejak tahun 2015 dan hanya dikuatkuasakan oleh JBPM pada 02 Januari 2021, dimana persediaan industri selama enam (6) tahun adalah suatu tempoh yang munasabah.

3. Dimaklumkan juga bahawa akreditasi makmal ujian (ISO 17025) yang dijalankan Jabatan ini adalah mengikut peraturan dan syarat ditetapkan Jabatan Standard Malaysia (JSM). Sebarang kebimbangan MFPA berhubung kewujudan makmal pengujian dan pengiktirafan tersebut adalah amat sub-judis. Mana-mana makmal ujian yang diiktiraf Jabatan ini terlebih dahulu perlu memenuhi syarat dan skop pengujian berdasarkan piawaian ISO 17025 sebelum memenuhi akreditasi yang ditetapkan oleh JSM.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101

4. Jabatan akan memberi pertimbangan kelulusan/ perakuan terhadap mana-mana pam KMK yang telah diuji oleh makmal ujian antarabangsa diiktiraf dan mempunyai persijilan/ 'listings' setaraf dengan MS 2616:2015 dengan mengemukakan laporan ujian penuh dan persijilan/'listings' terkini kepada Jabatan ini, tanpa menguji semula berdasarkan piawaian tempatan tersebut.

5. Bagi pemantauan Jabatan ini selanjutnya, pihak tuan dengan ini dikehendaki untuk menyenaraikan mana-mana pengeluar/pengilang Pam KMK tempatan yang berhasrat untuk menjalankan pengujian berdasarkan piawaian MS 1626:2015, termasuk butiran Pam KMK berkaitan dan status permohonan pengujian (sekiranya telah berbuat demikian).


6. Jabatan ini komited bagi memberi pertimbangan terhadap mana-mana projek cadangan yang masih di peringkat pembinaan. Oleh yang demikian, sebarang permohonan bagi penangguhan pelaksanaan dan syarat ditetapkan ini adalah tidak wajar dipertimbangkan secara menyeluruh, namun ianya akan diberi kewajaran secara 'project basis'.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

s.k.: YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
YS Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan